

JAWHAR komited bantu semua negeri urus, bangunkan tanah wakaf

Oleh Rafiqah Dahali - September 13, 2022 @ 8:40am
bhnews@bh.com.my



Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Datuk Selamat Paigo menerima cenderamata pada Seminar Kesedaran Berwakaf Bertemakan Wakaf Pemangkin Ekonomi Ummah dan Pelancaran Wakaf Tunai bertempat di Wisma MUIS. - Foto Jabatan Penerangan Sabah

KOTA KINABALU: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sedia membantu kerajaan negeri mengurus serta membangunkan tanah wakaf bagi membantu usaha meningkatkan ekonomi umat Islam setempat.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Selamat Paigo, berkata banyak tanah wakaf di seluruh negara yang masih belum dibangunkan menerusi pelbagai projek yang boleh menjana kewangan.

Beliau mengakui ada negeri yang berjaya membangunkan tanah wakaf sehingga membawa keuntungan kepada kumpulan asnaf dan begitu juga sebaliknya.

"Jadinya, kita akan memanfaatkan pengalaman dan kejayaan negeri yang mengurus tanah wakaf sebagai model contoh kepada negeri yang kurang berjaya dengan harapan mereka juga akan berjaya.

"Justeru, JAWHAR mengadakan program jelajah ke seluruh negara bagi mendapatkan input dan maklumat serta membantu kerajaan negeri memanfaatkan tanah wakaf sekali gus meningkatkan ekonomi umat Islam. Malah kita turut keluarkan manual untuk panduan pengurusan wakaf di semua negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Seminar Kesedaran Berwakaf Bertemakan Wakaf Pemangkin Ekonomi Ummah dan Pelancaran Wakaf Tunai bertempat di Wisma MUIS, di sini, semalam.

Turut hadir, Yang di-Pertua Majlis Ugama Islam Negeri Sabah, Datuk Seri Yahya Hussin.

Sementara itu, beliau turut berkata, dalam usaha untuk memperluaskan promosi dan meningkatkan kesedaran mengenai wakaf, pihaknya telah mengambil inisiatif melaksanakan siri jelajah di seluruh negara.

Katanya, JAWHAR mengadakan program kesedaran berwakaf secara turun padang dengan berkonsepkan jerayawara bermula di Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Sabah, Perlis, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

"Dalam pada itu juga, kita ingin memberitahu dan berkongsi mengenai manfaat yang diperoleh daripada amalan berwakaf oleh semua umat Islam.

"Kita sampaikan maklumat secara 'first-hand' berkaitan dasar dan polisi berkaitan wakaf, kita berikan maklumat untuk menambah keyakinan serta pengetahuan mengenai wakaf kerana tujuan utama adalah kita ingin sektor wakaf dilonjakkan di semua negeri seluruh negara. Banyak benda boleh dibuat dengan wakaf seperti bidang pendidikan, perniagaan dan pertanian," katanya.